

GARIS PANDUAN **PELUPUSAN TEKS AL-QURAN**

1. Tujuan

- 1.1. Tujuan dokumen ini disediakan adalah sebagai panduan bagi melaksanakan pelupusan teks al-Quran sebagai menjaga kehormatan ayat-ayat suci al-Quran al-Karim. Garis panduan ini akan menjadi rujukan kepada dua pihak iaitu;
 - i. Para pengusaha, pengilang, pekerja dan pihak-pihak yang terlibat dengan kegiatan pelupusan bahan-bahan penerbitan serta perhiasan-perhiasan yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran.
 - ii. Agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan yang bertanggungjawab melulus dan mengawal aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perkara di atas.

2. Pendahuluan

- 2.1. Berdasarkan Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986, seksyen 11 (1) Bahan Buangan daripada Pencetakan Teks Al-Quran atau Bahan Al-Quran telah memperuntukkan bahawa; “*Seseorang yang mencetak sesuatu teks Al-Quran atau bahan Al-Quran hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa apa-apa bahan buangan yang di atasnya tercetak atau terdapat sesuatu Ayat Al-Quran dimusnahkan dengan serta-merta dengan membakarnya si suatu tempat bertutup yang tidak dapat dimasuki oleh orang awam dan tidak meninggalkan premis pencetakan itu dengan apa-apa cara pun, kecuali semasa ia dipindahkan ke suatu tempat untuk dimusnahkan sebagaimana yang tersebut dahulu*”.
- 2.2. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke-13 pada 1 dan 2 Julai 1985 juga telah memperincikan bahawa; “*Orang-orang bukan Islam adalah diharamkan/tidak boleh menulis, mengukir, membentuk, mempamerkan dan menjual barang-barang yang mengandungi ayat-ayat suci Al-Quran*”.

3. Takrifan

- 3.1. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya mengenai makna yang lain;
 - i. “**Ayat Al-Quran**” meliputi mana-mana bahagian Ayat Al-Quran dalam bahasa Arab. (Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986).
 - ii. “**Bahan Al-Quran**” ertinya sesuatu dokumen yang mengandungi mana-mana ayat Al-Quran, selain daripada suatu “teks Al-Quran” sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen ini.
 - iii. “**Dokumen**” ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua peranti lain dengan menggunakan:
 - a. Huruf, angka, tanda, symbol, isyarat, lambing atau apa jua bentuk pernyataan, perihalan atau gambaran lain;
 - b. Apa-apa rakaman tampak (sama ada imej kaku atau bergerak);
 - c. Apa-apa rakaman berbunyi atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetic, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat atau apa-apa bunyi, dedenut elektronik atau apa jua pun data lain;
 - d. Suatu rakaman atau pemancaran dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana atau apa-apa gabungan, cara yang disebut dalam perenggan a), b) dan c).

(Akta Percetakan Teks Al-Quran (Pindaan 1998))

4. Prosedur Pelupusan Teks Al-Quran

- 4.1. Bahan buangan atau lebihan yang mengandungi huruf atau ayat-ayat suci al-Quran hendaklah dilupuskan secara berasingan daripada bahan-bahan lain, serta dilarang menggunakan semula bagi apa-apa tujuan sekalipun.
- 4.2. Kaedah pelupusan sama ada secara pembakaran atau ditanam. Al-Quran yang rosak, koyak, yang tidak boleh dibaca dan yang bukan Rasm Uthmani hendaklah dilupuskan. Kaedah pelupusan adalah dibakar di tempat yang dikawal dan ditanam di tempat yang dikawal.

(Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-30 yang bersidang pada 22 Ogos 1992)

- 4.3. Prosedur pembakaran bagi melupuskan teks al-Quran adalah seperti berikut:
- a) Tempat pembakaran perlu ditempatkan di kawasan yang luas, terkawal dan terhindar daripada pandangan orang ramai yang memungkinkan berlakunya fitnah terhadap kesucian al-Quran.
 - b) Sebelum proses pembakaran, bahan-bahan yang mudah terbakar perlu dijauhkan daripada tempat pembakaran tersebut.
 - c) Kaedah pelupusan teks al-Quran adalah secara pembakaran yang menggunakan mesin incinerator yang mesra alam.
 - d) Teks al-Quran yang dilupuskan hendaklah dibakar keseluruhannya tanpa tertinggal mana-mana bahagian yang tidak terbakar dan memastikan berat debu adalah tidak melebihi 5% daripada berat asal bahan yang dibakar.
 - e) Cermin kaca yang mengandungi tulisan atau teks al-Quran hendaklah dihilangkan tulisannya menggunakan asid atau bahan lain yang bukan daripada najis.
 - f) Plat aluminium yang mengandungi tulisan atau teks al-Quran hendaklah dihilangkan tulisan tersebut daripada kepingan plat berkenaan.
 - g) Debu yang mengandungi teks al-Quran yang telah dibakar hendaklah dipastikan di kumpul supaya tidak ditiuang angin atau bersepeah.
 - h) Debu tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam bekas yang sesuai dan perlu dikawal kesuciannya supaya tidak ditiuang angin atau berterbangan.
 - i) Debu hendaklah dimasukkan ke dalam guni atau bekas dengan muatan setiap satu 1 guni tidak melebihi 15 kilogram samada untuk ditanam atau sebaliknya.
 - j) Bahan yang telah dibakar hendaklah ditanam pada tempat yang bersih atau tempat yang tidak dilalui orang atau dibuang ke dalam laut/sungai yang mengalir airnya.

- k) Kerja-kerja pelupusan hendaklah dikawal selia oleh pegawai atau wakil KDN (Bahagian PQ) atau Jabatan Agama Islam yang telah diberi kuasa oleh KDN.
- 4.4. Termasuk juga dalam garis panduan ini hadith-hadith Nabi dan doa-doa yang mengandungi gabungan ayat-ayat suci al-Quran atau nama-nama Allah di dalamnya.

5. Mesin Incinerator

5.1. Ciri-ciri Mesin Incinerator yang diperlukan adalah sebagaimana berikut :

- a. Berupaya melupuskan teks atau bahan al-Quran sebanyak 2 -5 tan sehari.
- b. Dilengkapi dengan mesin perincih (*shredder*) dan (*crusher*).
- c. Incinerator bagi pembakaran teks atau bahan al-Quran tidak boleh digunakan untuk membakar bahan-bahan lain yang boleh mencemarkan kesuciannya dan hendaklah bersih daripada najis.
- d. Mesin Incinerator hendaklah ditempatkan sekurang-kurangnya 500 meter radius daripada kawasan perumahan, sekolah dan lain-lain.

6. Bilik Penyimpanan

- 6.1. Premis juga perlu menyediakan sebuah bilik penyimpanan khas untuk menyimpan teks atau bahan al-Quran yang akan dilupuskan serta debu hasil daripada pembakaran tersebut. Ciri-ciri bilik penyimpanan tersebut sebagaimana berikut :
- i. Keluasan tempat penyimpanan mampu menyimpan bahan-bahan tersebut sebanyak 20 tan pada satu masa.
 - ii. Bilik penyimpanan sekurang-kurangnya 20 x 20 kaki persegi.
 - iii. Bahan al-Quran hendaklah diletakkan di tempat yang khas dan tinggi minima adalah sekurang-kurangnya satu (1) kaki dari paras lantai.
 - iv. Jika bahan al-Quran tersebut diletakkan di atas lantai maka perlulah menggunakan pallet kayu yang tingginya sekurang-kurangnya 8 inci dan dialas dengan plastik sebelum diletakkan.

- v. Bahan-bahan selain daripada al-Quran hendaklah diletakkan secara berasingan.

7. Adab-Adab Dan Etika Pengendalian Aktiviti Pelupusan

7.1. Adab-adab dan etika ketika mengendalikan aktiviti pelupusan teks al-Quran hendaklah sebagaimana berikut;

- i. Pengendali hendaklah beragama Islam.
- ii. Pengendali hendaklah sentiasa dalam keadaan berwuduk dan tidak berhadas besar setiap kali mengendalikan proses pelupusan.
- iii. Pengendali hendaklah berpakaian yang menutup aurat dan sopan ketika melakukan proses pelupusan.
- iv. Aktiviti pelupusan yang melibatkan proses pembakaran perlulah mempunyai kelengkapan dan alat yang mencukupi iaitu pakaian/jaket yang tebal, sarung tangan, penutup hidung (*mask*) dan berkasut.
- v. Bahan-bahan atau debu yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran perlulah dikumpul dan diletakkan di dalam suatu bekas yang sesuai.
- vi. Bekas atau tempat yang dikumpulkan bahan-bahan atau debu ayat suci al-Quran hendaklah diletakkan di suatu tempat yang tinggi, atau berlapik dengan suatu alas yang sesuai, atau diletakkan di suatu tempat yang difikirkan sesuai untuk menjaga kehormatan al-Quran.